

## ANALISIS KEPERLUAN MASYARAKAT INDIA MALAYSIA DALAM KUMPULAN CERPEN 'ETHIRVINAICAL' KARYAAN KO.PUNNIYAVAN

Suguneshwaran A/L Sekharan

### ABSTRAK

*Sastera adalah cermin yang berkemampuan untuk mengidentitikan sesuatu masyarakat dengan tepat serta berperanan untuk mendorong kita membentuk kehidupan yang sempurna. Unsur-unsur kesusasteraan bukan sahaja diselitkan untuk menikmati keindahan bahasa, malah untuk memahami potensi diri sebagai individu yang berguna. Genre sastera seperti cerpen memberi ruang kepada generasi masa kini untuk melaksanakan refleksi terhadap diri mereka. Kajian ini memberi peluang untuk menganalisis hierarki keperluan masyarakat India dalam kumpulan cerpen 'Ethirvinaikal' karya Ko.Punniyavan dengan berdasarkan Model Hierarki Keperluan Maslow. Antologi cerpen beliau dipilih kerana beliau merupakan salah satu penulis cerpen Tamil tersohor di negara kita. Sejurus itu, kajian ini dilaksanakan untuk mendapat tahu peringkat-peringkat keperluan masyarakat India dalam kumpulan cerpen Tamil karya Ko.Punniyavan. Pola perbincangan ini memberi tumpuan kepada peringkat-peringkat pencapaian keperluan masyarakat India dan punca-punca yang mengongkong masyarakat India daripada menuju hierarki keperluan yang lebih tinggi dalam kumpulan cerpen 'Ethirvinaikal' karya Ko.Punniyavan. Kajian ini menggunakan pakai kaedah-kaedah seperti kaedah analisis deskriptif dan kaedah analisis kandungan secara meluas untuk mencari data-data kajian. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menelaah peringkat-peringkat keperluan yang dicapai dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Manakala, Model Hierarki Keperluan Maslow pula dikaji dan dijelaskan dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif.*

Kata kunci: Maslow, hierarki keperluan, masyarakat India, cerpen Tamil

### Pengenalan & Latar Belakang Kajian

Pengarang cerpen menggunakan adunan fakta dan imaginasi untuk menyampaikan fakta yang berlaku di sekeliling masyarakat. Cerpenis menghiaskan cerpen tersebut dengan imaginasi yang sesuai untuk memastikan cerpen tersebut mempunyai tarikan kuat terhadap golongan pembaca. Cerpenis juga menggunakan cerpen mereka sebagai alat untuk menyebarkan unsur-unsur adat, agama, moral dan kritikan masyarakat kepada pembaca.

Kajian 'Hierarki Keperluan Masyarakat India Malaysia dalam Kumpulan Cerpen 'Ethirvinaikal' merupakan kajian mengenai analisis dan penelitian isu keperluan dalam kalangan masyarakat India di negara kita berdasarkan pendekatan psikologi, iaitu Model Hierarki Keperluan Maslow.

Menurut Hamdani (1988), tanggungjawab meneliti dan menganalisis sesuatu karya sastera ialah pentaksiran terhadap kualiti sesebuah karya itu sendiri. Karya sastera yang mencerminkan gambaran kehidupan watak-watak dapat dianalisis dengan menggunakan teori psikologi. Teori psikologi seperti teori hierarki keperluan manusia membantu pengkaji mentaksir motivasi dan tahap keperluan masyarakat yang digambarkan dalam cerpen-cerpen yang dikaji.

Konsep keperluan dianggap sebagai kehendak utama manusia untuk mengamalkan kehidupan asas secara amnya. Menurut Surbhi, S. (2017), konsep keperluan ini merangkumi kehendak personal, psikologi, kebudayaan, sosial dan sebagainya untuk manusia menjalani kehidupan yang sihat. Keperluan manusia pada zaman dahulu hanyalah tertakluk kepada makanan, air, pakaian dan tempat tinggal. Keempat-empat keperluan ini merupakan keperluan asas untuk seseorang individu menjalani kehidupan yang sejahtera. Peredaran zaman menyebabkan aspek-aspek seperti taraf pendidikan dan penjagaan kesihatan menjadi elemen penting dalam meningkatkan taraf hidup seseorang individu. Surbhi, S. (2017) menyatakan bahawa komponen-komponen ini menjadi keperluan asas untuk manusia menikmati kehidupan yang sihat dan sejahtera.

Menurut Paliminaso, I. (2001) dari pandangan sosiologi, keperluan juga membawa maksud sebagai sesuatu benda yang dianggap mustahak untuk membantu seseorang individu berfungsi dengan baik atau menjaga dirinya.

Maslow, A. H. (1968) memberi pendapat bahawa keperluan manusia merupakan kehendak yang ada pada manusia secara semulajadi, iaitu diwarisi secara biologi serta mempunyai pengaruh kukuh terhadap individu. Maslow juga menyatakan bahawa keperluan manusia boleh dikategorikan kepada keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan kepunyaan diri, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri yang wujud secara tahap mengikut keutamaannya. Menurut Plotnik, R. & Kouyoumdjian, H. (2011), hierarki yang bermula dengan keperluan fisiologi hingga keperluan kesempurnaan sendiri memainkan peranan dalam pencapaian dan perkembangan setiap manusia dalam golongan sosial dia.

Walaupun bidang psikologi dan bidang sastera pada asalnya merupakan dua bidang ilmu yang amat berbeza, kedua-dua bidang ilmu ini saling melengkapi sesama sendiri apabila diguna pakai dengan betul. Kedua-dua bidang ini berperanan untuk menggambarkan aspek tingkah laku dan proses pemikiran yang membentuk kehidupan seseorang individu atau pun masyarakat. Golongan pengarang mengambil inisiatif untuk mencerminkan isu-isu sosial melalui karya sastera seperti cerpen untuk kesedaran masyarakat. Bidang psikologi pula memainkan peranan dalam menganalisis isu-isu tersebut, memberikan kefahaman terhadap isu tersebut serta membantu mencari pendekatan-pendekatan tertentu untuk menyelesaikan isu tersebut.

## Permasalahan Kajian

Paliminaso (2001) menyatakan bahawa keperluan merupakan prasyarat yang memastikan sistem sosial dan kelangsungan kehidupan sesuatu masyarakat. Keperluan yang tidak dapat dipenuhi akan menjadi impak kepada diri seseorang individu, serta menyebabkan gangguan perlakuan dan pemikiran seseorang individu. (Rod Platonik & Haig Kouyoumdjian, 2011)

Hariz Mohd (2017) telah melaporkan satu insiden di mana 52 pemuda India yang terdiri daripada 42 murid sekolah menengah, sembilan pemuda tercicir sekolah dan seorang pemuda kolej telah disabitkan kesalahan di mahkamah majistret kerana telah melibatkan diri dalam demonstrasi yang mengganggu keamanan masyarakat di depan empat sekolah.

Dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Shankar Durairaja, Geshina Ayu Mat Saat & Mohammad Rahim Kamaluddin pada tahun 2019, mereka telah menyenaraikan empat faktor sosiologi yang mendorong golongan muda India untuk melibatkan diri dalam budaya geng. Melalui kajian tersebut, kita dapat tahu bahawa kekurangan perhatian ibubapa, anggota keluarga mereka yang sudah lama menjadi ahli geng, budaya geng dalam masyarakat setempat mereka dan masalah kewangan merupakan faktor sosiologi yang mendorong golongan muda India untuk melibatkan diri dalam budaya geng.

Ghandi Mathi Dharmalingam & Dr. Sivaperagasam Rajanthiran (2019) dalam kajian mereka menyatakan bahawa ada laporan daripada PDRM yang menjangkakan seramai 28296 ahli kongsi gelap terdiri daripada golongan belia India. Laporan SWO (2019, dirujuk daripada Dharmalingam, G., M., S., & Rajanthiran, R., S., P. 2019, ms. 293) juga telah menyokong pernyataan mereka dengan menunjukkan data bahawa kaum India merangkumi 72% daripada keseluruhan ahli kongsi gelap di negara kita. Kajian mereka juga menyatakan bahawa kaum India menduduki tempat pertama dalam kategori mangsa membunuh diri dalam negara kita.

Isu-isu sosial seperti kemerosotan institusi kekeluargaan, kemelut rumah tangga serta masalah jenayah masih menghantui generasi muda masyarakat India. Kajian-kajian di atas menunjukkan bahawa kekurangan dari aspek keperluan menjadi salah satu faktor utama untuk masyarakat India cenderung melibatkan diri dalam gejala sosial. Semasa pengkaji melaksanakan bacaan awal untuk menentukan tajuk kajian, pengkaji dapat menjumpai pelbagai kajian sosiologi untuk menganalisis isu-isu sosial masyarakat India. Tetapi, kajian dari sudut psikologi dalam masyarakat India agak kurang dipelopori dalam bidang sastera. Untuk mengambil pendekatan yang berbeza untuk menganalisis isu-isu sosial yang dialami masyarakat India, pengkaji mengambil keputusan untuk mengguna pakai pendekatan psikologi, khususnya Model Hierarki Keperluan Maslow. Dengan menggunakan teori ini, pengkaji berharap untuk mencari serta mengkaji pencapaian hierarki keperluan dalam kalangan masyarakat India dan seterusnya meneliti punca-punca membendung masyarakat India untuk mencapai hierarki keperluan yang lebih tinggi.

## Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah tahap pencapaian keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen 'Ethirvinaikal' berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow?

Memandangkan kajian ini menggunakan pendekatan psikologi Maslow, dapatan kajian ini mampu digunakan untuk membantu individu mendapat kefahaman mendalam mengenai hierarki keperluan Maslow. Kefahaman tersebut mampu membantu seseorang individu untuk mencapai kemajuan diri, khususnya dalam aspek perkembangan peribadi dan kerjaya. Seseorang individu boleh berusaha mencapai keperluan yang diinginkan demi menghayati kehidupan yang sihat dan sejahtera dengan adanya kefahaman mengenai hierarki keperluan Maslow.

Dapatan kajian ini juga boleh digunakan untuk memahami punca-punca yang membendung kemajuan masyarakat India di negara kita. Golongan pembaca mampu memahami faktor-faktor yang membendung progres masyarakat India daripada mencapai tahap keperluan yang memastikan kesejahteraan hidup mereka. Kajian ini membincangkan tahap-tahap keperluan masyarakat India dan halangan yang dialami masyarakat untuk memastikan keperluan tersebut dicapai.

## Kajian-kajian Lepas tentang Model Hierarki Keperluan Maslow

Akbar Yunadi, Singgih Daru Kuncara, dan Nita Maya Valiantien (2020) telah menerbitkan artikel dalam Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya Indonesia mengkaji sebuah novel Inggeris yang bertajuk 'Rooftoppers'. Kumpulan pengkaji ini telah menggunakan pendekatan Model Hierarki Keperluan Maslow untuk menjalankan kajian mereka. Kajian ini memberi penekanan kepada keperluan psikologi watak utama dalam novel ini. Analisis ini juga menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengkaji keperluan watak utama novel tersebut.

Imam Ghozali (2020) telah mengkaji pencapaian keperluan manusia dalam novel Inggeris, *Sense and Sensibility* karya Jane Austen pada tahun 1811. Beliau telah menerbitkan kajian beliau dalam jurnal Indonesia, *Pancaran Pendidikan*. Dalam analisis ini, pengkaji tersebut telah mengkaji petikan-petikan dalam novel tersebut dengan berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow. Dalam kajian ini, Imam Ghozali (2020) telah menekankan bahawa kajian dalam bidang sastera pada masa kini sedang menunjukkan transformasi dengan bergabung dengan bidang kajian yang lain, khususnya psikologi.

Halis Azhan Mohd Hanafiah (2002) telah melaksanakan kajian yang bertajuk *Novel-Novel Zailiani Taslim: Analisis Kehendak Remaja*. Dalam kajian ini, pengkaji berkenaan telah melaksanakan analisis terhadap watak dan perwatakan mereka, berserta dengan kehendak watak-watak tersebut berdasarkan novel-novel karya Zailiani Taslim. Pengkaji berkenaan juga telah melaksanakan faktor-faktor kehendak tersebut muncul dalam kalangan remaja dan perlakuan mereka untuk menggapai kehendak tersebut.

Selain itu, Mohammad Hanif (2009) dari University of Maulana Malik Ibrahim, Malang, Indonesia telah melaksanakan kajian tesis yang berjudul *'The Main Character's Need in Elizabeth Dunkle's Every Woman Loves Russian Poet (Based on Abraham Maslow's Theory)'*. Pengkaji tersebut telah mengkaji novel karya Elizabeth Dunkle dari segi aspek keperluan dengan berpandukan teori Abraham Maslow.

Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain dan Nur Yuhanis Mohd Nasir (2017) telah menggunakan Teori Hierarki Keperluan Maslow untuk mengkaji novel-novel remaja dan menerbitkan artikel ilmiah tersebut dalam PENDETA - Journal of Malay Education and Literature. Kumpulan pengkaji tersebut telah mengkaji keperluan keselamatan watak-watak utama dalam novel Merdekakan Cinta Ratna (2003) karya Sri Rahayu Mohd Yusop berserta dengan novel Beraraklah Awan Pili (2006) karya Abdul Latip Talib. Kajian ini mempunyai perkaitan dengan Model Hierarki Keperluan Maslow yang mengkategorikan keperluan keselamatan sebagai satu keperluan yang perlu dicapai oleh seseorang individu untuk meningkatkan diri menuju ke kesempurnaan sendiri.

Rosemidland Anak Manggie dan Mohd Faizal Musa (2020) dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah melaksanakan kajian yang bertajuk *'The Quest for Self-Actualization in Iban Motivational Novel'*. Kumpulan pengkaji tersebut telah mengkaji novel Iban, Semaya Jawai yang ditulis Harry Usup Umbar dari aspek keperluan. Dalam kajian mereka, mereka telah menyatakan bahawa watak utama novel, Aretta tidak akan mencapai kesempurnaan sendiri sekiranya keperluan-keperluan lain tidak tercapai. Kajian mereka juga mengguna pakai teori Hierarki Keperluan Maslow untuk menganalisis novel tersebut.

Pengkaji dapat menemui lebih banyak kajian sosioekonomi yang dilaksanakan berpandukan teori Hierarki Keperluan Maslow daripada kajian sastera. Satu kajian telah dilaksanakan oleh kumpulan pengkaji dari Universiti Putra Malaysia tentang iklan perumahan pada tahun 2016 dalam Journal of Language and Communication. Kumpulan pengkaji yang terdiri daripada Nurafazeera Yunus, Zalina Mohd Kasim, Wahid Nimehchisalem, dan Nur Izyan Syamimi Mat Husin (2016) telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis lima iklan perumahan yang berbeza dengan berpandukan teori Hierarki Keperluan Maslow. Dalam kajian ini, kumpulan pengkaji tersebut menyatakan bahawa pengiklan memberi fokus utama kepada reka bentuk iklan yang merangsang keperluan penghargaan sendiri dalam kalangan pembeli. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengiklan mampu meyakinkan pembeli untuk melabur dalam projek perumahan mereka sekiranya iklan tersebut dapat memenuhi keperluan penghargaan sendiri mereka.

### Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan teori humanistik sebagai instrumen utama untuk mengenal pasti dan mengkaji hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia dalam cerpen-cerpen karya Ko.Punniavan dalam antologi *Ethirvinaigal*. Pendekatan ini akan diguna pakai ke atas cerpen-cerpen yang dipilih oleh pengkaji.

Untuk tujuan menganalisis karya sastera Ko.Punniavan yang menjadi sampel kajian, pengkaji telah mengguna pakai kaedah kualitatif. Penyelidikan kualitatif mempunyai objektif untuk mengkaji data-data yang didapati melalui pelbagai bahan deskriptif serta mengkaitkan dapatan tersebut dengan keperluan kajian ini. Keseluruhan dapatan kajian ini akan diperincikan dalam bentuk deskriptif dan perbincangan untuk mencapai objektif-objektif kajian yang telah diputuskan pada peringkat awal kajian. Hasil analisis kajian ini juga membantu pengkaji menjawab persoalan-persoalan kajian yang terkandung dalam kajian ini. Berdasarkan ini, kajian jenis kualitatif ini menggabungkan jalinkan dua kaedah kajian yang utama iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks.

### Data Kajian

Menurut Halim (2019), data merupakan maklumat serta fakta yang terbentuk bergantung kepada proses pencarian dan pengumpulan data dengan mengguna pakai instrumen dan kaedah-kaedah yang tertentu. Data kajian boleh dikategorikan kepada dua jenis secara umumnya, iaitu data primer dan data sekunder. Kajian kualitatif merupakan kajian yang bergantung sepenuhnya kepada dokumen utama dan teks yang dipilih sebagai bahan kajian. Untuk kajian ini, pengkaji telah memilih kumpulan cerita *'Ethirvinaikal'* yang mengandungi 17 cerpen karya Ko.Punniavan sebagai sumber primer kajian. Menurut Halim (2019), data sekunder merupakan data yang telah sedia ada untuk rujukan pengkaji dalam bentuk kepustakaan, sama ada dalam bentuk dokumen bertulis, bercetak atau mikrofilem. Untuk memastikan teori tunjang kajian ini, iaitu Teori Humanistik Abraham Maslow dapat difahami dan digunakan dengan tepat, pengkaji telah melaksanakan pembacaan teliti buku-buku ilmiah khususnya buku-buku yang berkait dengan bidang psikologi. Bukan sahaja buku-buku ilmiah, pengkaji juga telah melaksanakan penelitian terhadap bahan-bahan ilmiah seperti tesis, disertasi, artikel dan jurnal untuk membimbing pengkaji dalam aspek pengetahuan dan panduan bagi menyempurnakan kajian ini.


### Teori Kajian

Pengkaji menggunakan teori keperluan untuk menginterpretasi maklumat-maklumat yang dikumpul berkenaan dengan tajuk kajian, iaitu hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia. Dalam buku bertajuk *'Motivation and Personality'* yang diterbitkan pada tahun 1970, Abraham Maslow telah mengutarakan bahawa setiap individu mempunyai tarikan semula jadi terhadap kesempurnaan sendiri. Maslow menyatakan bahawa terdapat lima peringkat keperluan untuk seseorang individu mencapai kesempurnaan sendiri. Keperluan peringkat pertama merupakan keperluan fisiologi atau biologi. Keperluan peringkat seterusnya pula keperluan keselamatan. Keperluan peringkat ketiga merupakan keperluan kasih sayang serta kepunyaan diri. Keperluan tahap seterusnya merupakan penghargaan sendiri. Akhir sekali, keperluan peringkat terakhir merupakan kesempurnaan sendiri. Menurut Pettijohn (1998), seseorang individu akan mempunyai kesedaran terhadap memiliki segala-gala yang diingini sekiranya individu

tersebut telah mencapai kesemua peringkat dalam hierarki keperluan. Hierarki keperluan ini telah disusun atur berdasarkan tahap keperluan yang rendah hingga ke tahap keperluan yang tertinggi. Sebagai contoh, apabila seseorang individu memenuhi kehendak fisiologi, keperluan individu tersebut akan bergerak menuju ke tahap seterusnya, iaitu keperluan keselamatan. Crain (2005) menyatakan bahawa sekiranya sesuatu tahap keperluan telah dicapai oleh seseorang individu, individu tersebut akan bergerak menuju ke peringkat kedua dan seterusnya ke peringkat-peringkat yang lebih kompleks. Maslow (1970) berpendapat bahawa manusia secara intuitifnya memiliki motivasi untuk menggilapkan diri ke arah mencapai kesempurnaan diri.

Keperluan-keperluan yang dinyatakan dalam model Hierarki Abraham Maslow telah dibahagikan kepada dua kumpulan utama. Kategori pertama merupakan peringkat keperluan yang menunjukkan kekurangan ataupun dikenali sebagai *deficiency needs (D-needs)*. Manakala, kategori kedua pula dinyatakan sebagai peringkat keperluan yang mencungkil perkembangan diri ataupun dikenali sebagai *growth or being needs (B-needs)*. Keperluan bercirikan fisiologi dan psikologi merupakan komponen utama dalam keperluan kategori *D-needs*, iaitu keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang serta kepunyaan diri, dan akhir sekali penghargaan diri. Kategori *B-needs* pula bertumpukan kepada keperluan yang mencungkil perkembangan dalam diri individu, iaitu keperluan kesempurnaan diri. Sebelum mengorak langkah menuju ke kesempurnaan diri (*B-needs*), setiap individu perlu memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (*D-needs*) (Rod Plotnik & Haig Kouyoumdjian, 2011).

Rajah 1 : Model Hierarki Keperluan Maslow



## Dapatan Kajian

17 watak dalam koleksi cerpen ini dikaji berpandukan model hierarki keperluan Maslow. Kesemua 17 watak tersebut dapat mencapai hierarki pertama iaitu, keperluan fisiologi. Kesemua 17 watak tersebut dapat memenuhi keperluan fisiologi yang merangkumi keperluan makanan dan minuman, tempat tinggal dan pakaian. Setelah memenuhi keperluan fisiologi, kesemua 17 watak tersebut mengorak langkah menuju ke hierarki seterusnya, iaitu keperluan keselamatan.

Kesemua 17 watak tersebut dikaji mengikut tiga aspek keselamatan, iaitu keselamatan diri, keselamatan ekonomi dan keselamatan emosi. Watak Rani (*Kathavukal thazhidappattirukinrana*) mempunyai keselamatan ekonomi dengan bantuan ibu bapanya, tetapi keputusan peperiksaan awam UPSR telah menjejaskan keselamatan emosi dan seterusnya, keselamatan dirinya. Seterusnya, watak cendekiawan (*Sudarai suttri kanandru kondirukkum neruppu sila vittil puchukkalum*) mempunyai keselamatan ekonomi yang kukuh, tetapi watak tersebut sering jatuh sakit berdasarkan cerpen tersebut. Watak cendekiawan juga mempunyai sifat marah yang tidak boleh dikawal. Keselamatan dirinya terjejas akibat penyakit, manakala sifat kemarahan telah menjejaskan keselamatan emosinya. Watak ibu Rani (*Kadaisi santhippirkana ninaivu kurippukal*) juga mempunyai keselamatan ekonomi yang kukuh, tetapi keselamatan diri dan emosi terganggu apabila Rani melarikan diri dari rumah. Selain itu, watak Gopal (*Nirukkullirunthe nazhuvum minkal*) tidak dapat menjamin keselamatan diri dan emosinya. Walaupun Gopal dapat memenuhi keperluan keselamatan ekonomi, dia pernah mencuba untuk mengakhiri nyawanya beberapa kali. Justeru itu, keselamatan diri dan emosi Gopal tidak dapat dijamin. Seterusnya, watak 'abang' (*Sarukukal*) telah menjejaskan semua keperluan keselamatan dengan ketagihan alkoholnya. Tabiat meminum alkohol telah memusnahkan keselamatan diri, ekonomi dan emosi watak 'abang' dalam cerpen tersebut. Watak Arumugam (*Iranthavanai patriya vakkumulam*) juga tidak dapat memenuhi sebarang keperluan keselamatan disebabkan ketagihan alkohol dan hutang di sekeliling pinggangnya. Arumugam telah meninggal dunia dalam keadaan yang sedih setelah tabiat meminum alkohol menjejaskan keselamatan diri, ekonomi dan emosinya. Akhir sekali, watak Samikannu (*Sami kannu kuttiduchu*) tidak dapat memulihkan keselamatan diri dan emosinya selepas dia kehilangan penglihatannya. Pengambilan samsu sebelum upacara perayaan di ladang telah merosakkan penglihatannya, seterusnya menjejaskan keselamatan diri dan emosi Samikannu. Darpada 17 watak yang telah dianalisis, tujuh watak gagal untuk memenuhi kriteria-kriteria hierarki keperluan keselamatan. Hanya sepuluh watak yang berjaya mengorak langkah ke hierarki seterusnya.

Seramai 10 watak telah dikaji berdasarkan kriteria-kriteria mengikut hierarki kasih sayang dan kepunyaan diri. Setiap watak telah diteliti mengikut empat teras hierarki kasih sayang dan kepunyaan diri, iaitu kasih sayang keluarga, sahabat, hubungan intim dan interaksi sosial. Watak Marimuthu (*Kalakakaran*) hanya dapat menikmati satu daripada empat teras yang dinyatakan dalam hierarki keperluan kasih sayang dan kepunyaan diri, iaitu hubungan intim. Dengan hanya hubungan intim, watak tersebut tidak dapat mencapai hierarki ini. Watak seterusnya, Sarasu (*Thuravu*) juga hanya dapat memenuhi satu aspek dalam keempat-empat teras ini. Selain daripada hubungan intim, watak Sarasu tidak dapat menikmati sebarang kasih sayang dalam cerpen ini. Selaras itu, dia tidak dapat mencapai keperluan kasih sayang. Selain itu, watak Janaki (*Nitharsanankal*) hanya dapat memenuhi aspek keluarga. Teras-teras lain seperti hubungan intim, persahabatan, dan interaksi sosial tidak dapat dipenuhi oleh Janaki selepas dia kehilangan kaki akibat penyakit kencing manis. Akhir sekali, watak Ventharkon yang dapat kita jumpa melalui dua cerpen dalam novel ini. Dalam cerpen pertama (*Pulavar Ventharkonin varalatrulunthu pirikka iyalatha sila pakkankal*), watak Ventharkon hanya dapat memenuhi keperluan hubungan intim, dan tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan yang lain. Dia hanya mampu memenuhi keperluan tersebut dengan mengunjung ke rumah pelacuran. Dalam cerpen sambungan (*Pulavar Ventharkonin varalatrulurunthu pirikka mudiyatha melum sila pakkankal*) pula, watak Ventharkon dapat merasakan perjalanan hubungan persahabatan dengan tukang gunting. Ventharkon juga telah berinteraksi secara positif dengan isterinya. Kedua-dua insiden tidak dapat membuktikan secara nyata bahawa Ventharkon telah memenuhi hierarki ini. Watak Ventharkon masih bergelut untuk memenuhi keperluan dalam hierarki ini. Daripada sepuluh watak tersebut, empat watak tidak berjaya mencapai hierarki keperluan kasih sayang dan kepunyaan diri. Hanya enam watak yang telah memenuhi kriteria hierarki kasih sayang dan kepunyaan diri, serta menuju ke hierarki seterusnya.

Dalam hierarki ini, keenam-enam watak tersebut diteliti berdasarkan penghargaan diri sendiri dan penghargaan daripada individu lain. Watak Saratha (*Ethirvinaikal*) hanya mampu mencapai keperluan penghargaan diri sendiri. Suami Saratha dan kakak iparnya langsung tidak mengiktiraf dan menghargai sumbangan Saratha kepada keluarga tersebut. Apabila Saratha tidak dapat penghargaan daripada ahli keluarganya, dia tidak dapat memenuhi hierarki ini. Seterusnya watak Nisha (*Aimbathu rupai atraikkulikkana thunai nadikai*) tidak dapat memenuhi kedua-dua aspek dalam hierarki penghargaan sendiri. Nisha tidak menghargai masa dan tenaga diri sendiri dan krew penggambaran iklan tidak menghargai komitmen Nisha semasa penggambaran sedang dijalankan. Ini menyebabkan Nisha tidak memenuhi hierarki keperluan penghargaan sendiri. Akhir sekali, watak 'aku' (*Kalakakaran*) hanya dapat mencapai sebahagian daripada kriteria hierarki penghargaan sendiri. Watak 'aku' menghargai tenaga dan usaha dia semasa dia mengajar di dalam bilik darjah. Tetapi, guru besar dia tidak menunjukkan sebarang penghargaan terhadap komitmen yang ditunjukkan oleh watak 'aku'. Hierarki penghargaan sendiri watak 'aku' tidak dapat dicapai disebabkan tindakan guru besarnya. Daripada enam watak yang dikaji, tiga watak tidak mampu untuk memenuhi kriteria-kriteria keperluan penghargaan sendiri. Tiga watak yang berjaya memenuhi keperluan penghargaan sendiri mengorak langkah menuju hierarki seterusnya iaitu kesempurnaan sendiri.

Watak Sarala (*Nulampadai*) merupakan seorang wanita yang berdikari, tetapi dia membuat pemikiran rasional untuk kembali bersama dengan suaminya. Kualiti ini membolehkan watak Sarala mencapai hierarki kesempurnaan sendiri. Seterusnya, watak 'aku' (*Nikarartravan*) telah menunjukkan kebijaksanaan, pemikiran kreatif semasa dia sediakan ucapan untuk ulasan koleksi sajak tersebut. Watak 'aku' juga mengakui kekurangan dalam dirinya yang inginkan kemashyuran dan penghormatan di atas pentas, walaupun keinginan tersebut memerlukan dia menggunakan tenaga dan wang yang banyak. Kriteria ini memastikan watak 'aku' mencapai hierarki kesempurnaan sendiri. Akhir sekali, watak 'Aaya' (*Aayakotta*) menunjukkan semangat berdikari dan kekuatan untuk hidup bersendirian. Watak Aaya juga akui kekurangan dia dari paras rupa telah menjejaskan hubungan dengan menantunya. Kualiti yang ditampilkan oleh watak Aaya telah membantunya mencapai hierarki kesempurnaan sendiri.

## Kesimpulan

Pengkaji mengguna pakai model hierarki keperluan Maslow untuk meneliti dan menganalisis tahap pencapaian keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*'. Hasil kajian ini menunjukkan semua watak yang tampil dalam kumpulan cerpen ini telah mencapai keperluan fisiologi mengikut model Maslow. Tetapi, hanya tiga watak daripada 17 watak mampu mencapai tahap keperluan kesempurnaan sendiri.

Jadual 1: Watak & Pencapaian Hierarki Keperluan mereka dalam Cerpen

Bil	Cerpen	Watak	Pencapaian Hierarki Keperluan
1.	<i>Ethirvinaikal</i>	Saratha	Keperluan Kasih Sayang & Kepunyaan Diri
2.	<i>Nulampadai</i>	Sarala	Keperluan Kesempurnaan Kendiri
3.	<i>Kathavukal</i>	Rani	Keperluan Fisiologi
4.	<i>thazhidappattirukinrana</i> <i>Sudarai sutri</i> <i>kanandrukondirukkum neruppum</i> <i>sila vittil pucchukalum</i>	Cendekiawan	Keperluan Fisiologi
5.	<i>Aimbathu rupai atraikkulikkana</i> <i>thunai nadikai</i>	Nisha	Keperluan Kasih Sayang & Kepunyaan Diri
6.	<i>Kadasi santhuppuku pirakana</i> <i>ninaivukurippukal</i>	Ibu Rani	Keperluan Fisiologi
7.	<i>Nirukullirunthe nazhuvum minkal</i>	Gopal	Keperluan Fisiologi
8.	<i>Kalakakaran</i>	'Aku'	Keperluan Kasih Sayang & Kepunyaan Diri
9.	<i>Kalakakaran</i>	Marimuthu	Keperluan Keselamatan
10.	<i>Thuravu</i>	Sarasu	Keperluan Keselamatan

11.	<i>Nitharsanankal</i>	Janaki	Keperluan Keselamatan
12.	<i>Sarukukal</i>	'Abang'	Keperluan Fisiologi
13.	<i>Iranthavanai patriya vakkumulam</i>	Arumugam	Keperluan Fisiologi
14.	<i>Nikarratravan</i>	'Aku'	Keperluan Kesempurnaan Kendiri
15.	<i>Pulavar Ventharkonin varalatrilirunthu pirikka iyalatha sila pakkankal</i> <i>Pulavar Ventharkonin varalatrilirunthu pirikka mudiyatha sila pakkankal kathai</i> 2	Ventharkon	Keperluan Keselamatan
16.	<i>Sami kannu kuttiduchu</i>	Samikannu	Keperluan Fisiologi
17.	<i>Aayakotta</i>	Aaya	Keperluan Kesempurnaan Kendiri

**Jadual 2: Tahap Pencapaian Hierarki Keperluan mengikut Bilangan Watak yang Dikaji**

Bil.	Tahap Pencapaian Hierarki Keperluan	Bilangan watak
1.	Keperluan Fisiologi	7 watak
2.	Keperluan Keselamatan	4 watak
3.	Keperluan Kasih Sayang & Kepunyaan Diri	3 watak
4.	Keperluan Penghargaan Kendiri	0 watak
5.	Keperluan Kesempurnaan Kendiri	3 watak

## Perbincangan

### Persoalan Kajian Pertama:

Sejauh manakah tahap pencapaian keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen 'Ethirvinaikal' berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow?

Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua 17 watak mampu memenuhi keperluan fisiologi dalam kumpulan cerpen ini. Analisis menunjukkan 100% watak dalam kajian ini mempunyai kemampuan untuk mencapai keperluan makanan & minuman, keperluan tempat tinggal serta keperluan pakaian. Hanya 10 watak daripada 17 watak mampu memenuhi hierarki keperluan keselamatan. Untuk memenuhi hierarki keperluan keselamatan, watak-watak haruslah mencapai sekurang-kurangnya dua daripada tiga aspek keselamatan. Analisis kajian menunjukkan 59% daripada masyarakat India di Malaysia mempunyai potensi untuk berjaya mencapai peringkat ini. 59% daripada masyarakat India di Malaysia, iaitu 10 watak daripada 17 watak langkah menuju ke peringkat seterusnya, iaitu hierarki keperluan kasih sayang dan kepunyaan diri. Untuk mencapai keperluan kasih sayang dan kepunyaan diri, sepuluh watak yang dianalisis perlu mencapai sekurang-kurangnya dua daripada empat aspek kasih sayang, iaitu institusi keluarga, sahabat, hubungan intim dan interaksi sosial. Daripada sepuluh watak yang dikaji, empat watak menghadapi rintangan untuk memenuhi kriteria keperluan kasih sayang keluarga. Hanya 35% daripada masyarakat India di Malaysia memiliki kemampuan untuk melangkah ke hierarki seterusnya berdasarkan kumpulan cerpen ini. Kumpulan cerpen 'Ethirvinaikal' memperlihatkan hanya 18% masyarakat India di Malaysia mempunyai kemampuan untuk mengorak langkah menuju ke hierarki seterusnya, iaitu hierarki keperluan kesempurnaan sendiri. Hanya tiga daripada 17 watak yang dikaji mampu bergerak menuju ke hierarki seterusnya, iaitu keperluan kesempurnaan sendiri. Ini menunjukkan bahawa hanya 18% daripada masyarakat India di Malaysia mempunyai potensi untuk memenuhi hierarki keperluan penghargaan sendiri. Analisis hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga watak yang dikaji berjaya mencapai tahap keperluan kesempurnaan sendiri mengikut kriteria yang ditetapkan. Analisis menunjukkan 18% masyarakat India di Malaysia mempunyai kemampuan untuk mencapai hierarki kesempurnaan sendiri.

### Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian pencapaian hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia dilaksanakan berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow. Dengan menggunakan karya penulis ternama seperti Ko.Punniavan, pengkaji berpeluang untuk melaksanakan kajian ke atas cerpen-cerpen yang jelas memperlihatkan realiti masyarakat India di Malaysia. Pengkaji berharap bahawa Model Hierarki Keperluan Maslow akan digunapakai dalam kajian-kajian ke atas novel-novel Tamil Malaysia untuk mengetahui tahap pencapaian keperluan masyarakat yang tampil dalam novel tersebut. Model Hierarki Keperluan Maslow juga boleh diguna pakai untuk melaksanakan kajian perbandingan di antara tahap pencapaian dua latar masyarakat yang berbeza. Dengan menggunakan novel Tamil Malaysia dan novel Tamil India, kajian boleh dilaksanakan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara pencapaian hierarki keperluan masyarakat tersebut. Pengkaji juga berharap lebih banyak teori psikologi akan digunakan untuk mengkaji karya-karya sastera Tamil moden. Teori psikologi mampu memberi pembaca sudut pandangan yang berbeza untuk mengkaji pemikiran dan tindakan watak-watak yang muncul dalam karya sastera.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa setiap individu akan bergerak menuju pencapaian keperluan yang lebih tinggi selepas mereka mencapai peringkat keperluan yang terdahulu. Teori Humanistik Kesempurnaan Kendiri juga mengutarakan konsep yang sama, di mana manusia akan mempunyai dorongan intrinsik untuk mengejar mencapai keperluan sehingga mereka dapat mencapai

kesempurnaan sendiri. Analisis dapatan kajian menunjukkan watak-watak daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi mengejar kesempurnaan sendiri, tetapi hanya segelintir kecil sahaja berjaya mencapai peringkat tersebut.

## Rujukan

- Al-Aufi, A. & Ahmed Al-Kalbani, K. (2014). Assessing work motivation for academic librarians in Oman. *Library Management*, 35(3), 199-212.
- Akbar Yunadi., Singgih Daru Kuncara., & Nita Maya Valiantien. (2020). Sophie's needs in Rooftoppers novel by using Maslow's theory of hierarchy of human needs. *Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*, 4(1), 130-144.
- Casey P. Hayden. (2009). *A Hierarchy of Needs in International Relations*. Disertasi Sarjana, Naval Postgraduate School, Monterey, California.
- Chintya Bayu Lestari., Ninuk Lustyantie., & Siti Gomo Attas. (2018). Self-actualization of the main character Hujan novel by Tere Liye: a review of psychology Abraham Maslow. *BAHTERA: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 17(1), 74-89.
- Dharmalingam, G., M., S., & Rajanathan, R., S., P. (2019). Implikasi Status Sosioekonomi Keluarga Dan Persekitaran Terhadap Keciciran Murid India: Kajian Kes Di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 284-297.
- Hamdani, H. (1988). *Konsep dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hariz Mohd. 2017. 52 teenagers, nabbed for ruckus in front of Klang schools, charged. *New Straight Times*, 8 May. <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2017/05/237405/52-teenagers-nabbed-ruckus-front-klang-schools-charged>. Retrieved on: 30 September 2017.
- Imam Ghozali. (2020). The fulfillment of hierarchy of needs of Elinor in the "Sense and Sensibility" novel by Jane Austen: a study of humanism psychology of Abraham Maslow. *Pancaran Pendidikan*, 9(1), 1-8.
- I. Palimisano, J. M. (2001). *World of Sociology, Vol.2, N-Z*. Farmington Hills: Gale Group.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Perkahwinan dan Perceraian Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Janakey Raman Manickam. (2012). *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia, 3<sup>rd</sup> Edition*. Klang, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre.
- Maheran Zakaria, Junaidah Hanim Ahmad, & Nur Ain Abdul Malek. (2014). The Effects of Maslow's Hierarchy of Needs on Zakah Distribution Efficiency in Asnaf Assistance Business Program. *Malaysian Accounting Review*, 13(1), 27-44.
- Manggie, R. A., & Faizal, M. M. (2020). The Quest for Self-Actualization in Iban Motivational Novel. *Borneo Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 1-25. <https://doi.org/10.35370/bjssh.2020.2.2->
- Maslow, A. H. (1968). *Toward A Psychology Being, 2<sup>nd</sup> Edition*. New York: Van Nostrand Reinhold Company Inc.
- Maslow, A. (1970). *Motivation and Personality, 2<sup>nd</sup> Edition*. New York: Harper and Row Publishers.
- Mohd Hanafiah, Halis Azhan. (2002). *Novel-novel Zailiani Taslim: Analisis Kehendak Remaja*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Muhd Hanif. (2009). *The Main Character's Need in Elizabeth Dunkle's Every Woman Loves Russian Poet*. Tesis Sarjana. Malang, Indonesia: University of Maulana Malik Ibrahim.
- Nurhamizah, H. (2015). *Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang & Aminuddin Basir@Ahmad. (2017). Teori Maslow dan Kaitannya dengan Kehidupan Muslim. *Jurnal Hadhar* 9, 2(9), 275-285. Didapati daripada [ejournals.ukm.my/jhadhari](http://ejournals.ukm.my/jhadhari)
- Nurafazeera Yunus, Zalina Mohd Kassim, Nimehichalem, V., & Nur Izyan Syamimi Mat Husin. (2016). Hierarchy of Needs in Residential Advertisements. *Journal of Language and Communication*, 3(1), 97-108.
- Rod Plotnik, K. & Haig Kouyoumdjian. (2011). *Introduction to Psychology, Ninth Edition*. Belmont, CA, USA: Wadsworth.
- Shankar Durairaja, and Geshina Ayu Mat Saat, and Mohammad Rahim Kamaluddin, (2019) Exploring demography and sociological factors underlying decisions to join gangs among Indians. *AKADEMIKA*, 89 (1). pp. 33-43
- Surbhi.S. (2017, October 21). *Differences Between Needs and Wants*. [Keydifferences.com/diff:SWO](http://Keydifferences.com/diff:SWO)
- SWO The Malaysian Indian Community. 2019. *Pertubuhan Science and Wellness*, Malaysia.

Suguneshwaran A/L Sekharan  
Jabatan Pengajian Tamil  
Fakulti Bahasa Dan Komunikasi  
UPSI, 39500, Tanjung Malim, Perak.  
Emel: [sugunesh130@gmail.com](mailto:sugunesh130@gmail.com)